




## **JAWATANKUASA PEGAWAI DAGANG ISKANDAR MALAYSIA**

	Jawatankuasa Pegawai Dagang Iskandar Malaysia	No Rujukan	IRDA.MI.820/02(2012)/03/IMEC/PROMO
		Tarikh	

## 1.0 TUJUAN


Fungsi dan tanggungjawab Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) Sebagai Agensi Pelulus Pegawai Dagang di Iskandar Malaysia adalah seperti berikut:

- 1.1 Memudahcara kepada pegawai dagang yang akan berkhidmat di Iskandar Malaysia untuk memohon permohonan Pas Penggajian.
- 1.2 Menjadikan IRDA sebagai agensi "One Stop Centre" kepada sektor kreatif, pendidikan, logistik, perkhidmatan perundingan dan nasihat kewangan, pelancongan, kesihatan khususnya di Iskandar Malaysia bagi mendapatkan kelulusan jawatan pegawai dagang.
- 1.3 Memudahkan syarikat tempatan dan luar negara yang berdaftar di Iskandar Malaysia mendapat kelulusan untuk jawatan dan pegawai dagang tanpa perlu untuk menyerahkan permohonan ke Immigesen Putrajaya.
- 1.4 Mendapatkan kelulusan secara berkumpulan berdasarkan jawatan dan juga mendapatkan kelulusan secara individu bagi pegawai dagang di Iskandar Malaysia.
- 1.5 Menggalakan pegawai dagang yang professional berkhidmat di Iskandar Malaysia.

## 2.0 LATAR BELAKANG

Pada **7hb Disember 2011**, Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri telah bersetuju melantik Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) sebagai **agensi pelulus** bagi permohonan Pegawai Dagang di Iskandar Malaysia dengan menggunakan kriteria dan panduan yang telah dicadangkan oleh pihak IRDA seperti **Lampiran A**.

IRDA akan beroperasi sepenuhnya sebagai agensi pelulus sepenuhnya bermula **1 July 2012**

	Jawatankuasa Pegawai Dagang Iskandar Malaysia	No Rujukan	IRDA.MI.820/02(2012) /03/IMEC/PROMO
		Tarikh	

### 3.0 GARIS PANDUAN PELAKSANAAN

#### 3.1 Pegawai Dagang

Kenyataan Am: Siapakah yang dimaksudkan Pegawai Dagang / Ekspatriate Asing

Warganegara asing yang berkelayakan mengisi jawatan-jawatan berikut :

##### 3.1.1 Jawatan Penting (Key Post).

- i. Jawatan pengurusan peringkat tertinggi dalam syarikat milik asing.
- ii. Diperlukan untuk menjaga kepentingan pelaburan mereka di negara ini.
- iii. Penyandang terlibat dalam menentukan polisi dan hala tuju syarikat.

##### 3.1.2 Jawatan Eksekutif.

Jawatan bidang Professional / pengurusan peringkat pertengahan

- i. Memerlukan kelayakan, pengalaman dan kemahiran praktikal bidang berkaitan.
- ii. Penyandang bertanggungjawab melaksanakan polisi syarikat dan pengawasan kakitangan bawahan.

##### 3.1.3 Jawatan Bukan Eksekutif.

- i. Jawatan bidang kemahiran tinggi.
- ii. Memerlukan pengalaman dan kemahiran teknikal berkaitan.


#### 3.2 Pelaksanaan Kelulusan Permohonan Pegawai Dagang di Iskandar Malaysia

Bagi syarikat yang berada di dalam kawasan Iskandar Malaysia yang telah mendapat kelulusan insentif fiskal dan bukan fiskal yang tertakluk kepada kriteria yang telah digariskan di bawah adalah layak memohon permohonan Pengambilan Jawatan di IRDA.

Syarikat-syarikat yang layak memohon adalah:

##### 3.2.1 Syarikat berstatus - Iskandar Malaysia (*IDR-Status Company*) akan menikmati:

1. Pengecualian daripada cukai pendapatan untuk tempoh 10 tahun daripada permulaan operasi berkaitan dengan pendapatan daripada aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam nod yg diluluskan untuk pelanggan-pelanggan yang disenaraikan di dalam nod yg diluluskan dan di luar Malaysia atau keseluruhan

	Jawatankuasa Pegawai Dagang Iskandar Malaysia	No Rujukan	IRDA.MI.820/02(2012) /03/IMEC/PROMO
		Tarikh	

luar Malaysia, menyediakan operasi-operasi perdagangan ini sebelum akhir tahun 2015; dan

2. Pengecualian daripada cukai pegangan bagi pembayaran untuk perkhidmatan-perkhidmatan dan royalti kepada bukan pemastautin untuk tempoh selama 10 tahun daripada permulaan operasi.

### 3.2.2 Pemaju yang telah diluluskan (*Approved Developer*) akan mendapat:

1. Pengecualian daripada cukai pendapatan sehingga tahun taksiran 2015, ke atas pendapatan berkanun daripada pelupusan apa-apa hak atau tanah di dalam nod yang diluluskan;
2. Pengecualian daripada cukai pendapatan sehingga tahun taksiran 2020, ke atas pendapatan berkanun daripada sewa atau jualan bangunan-bangunan dalam nod yg diluluskan; dan
3. Pengecualian daripada cukai pegangan untuk pembayaran yang dibuat kepada bukan pemastautin untuk perkhidmatan-perkhidmatan, kepentingan dan royalti, sehingga 31 Disember 2015.

### 3.2.3 Pengurus pembangunan yang diluluskan (*Approved Development Manager*) berhak mendapat:

1. Pengecualian dari bayaran cukai pendapatan ke atas pendapatan berkanun daripada peruntukan pengurusan, penyeliaan atau perkhidmatan pemasaran untuk seorang pemaju yang diluluskan sehingga tahun taksiran 2020; dan
2. Pengecualian daripada cukai pegangan untuk pembayaran yang dibuat kepada bukan pemastautin untuk perkhidmatan-perkhidmatan sehingga 31 Disember 2015.


### 3.2.4 Syarikat yang telah mendapat kelulusan Skim Insentif Flagship Iskandar Malaysia (FIM).

### 3.2.5 Pembangunan/projek/perniagaan di dalam 6 sektor utama yang dikategorikan sebagai *major* dan *strategik* dimana ianya diluluskan oleh Pihak Berkuasa IRDA dan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan.


Berikut adalah 6 sektor utama di Iskandar Malaysia yang telah diluluskan oleh pihak IRDA.

#### i. **Industri Kreatif dan perkhidmatan berkaitan**

- Perkhidmatan rekaan dan kreatif
- Filem dan televisyen
  - └ Sebelum penerbitan

	Jawatankuasa Pegawai Dagang Iskandar Malaysia	No Rujukan	IRDA.MI.820/02(2012 )03/IMEC/PROMO
		Tarikh	

- Penerbitan
  - Pengagihan
  - Permainan dan animasi
    - Pereka kandungan
    - Penerbitan
    - Selepas penerbitan
    - Pengagihan
  - Penghasilan kandungan telefon dan talian dan pengiklanan
  - Pengumpulan kandungan dalam telefon dan talian dan pembenar-pembenar
  - Penyelidikan kreatif dan pembangunan
  - Pengagihan dan pemasaran kandungan kreatif
  - Media berintegrasi dan perkhidmatan kandungan
  - Visual dan seni lakon
- ii. **Perkhidmatan perundingan dan nasihat kewangan**
  - Proses perniagaan dari luar/ sokongan (*Business Outsourcing*)
  - Perkhidmatan perunding dan nasihat korporat
- iii. **Penjagaan kesihatan dan perkhidmatan berkaitan**
  - Hospital dan pusat perubatan alternative
  - Pencantuman perkhidmatan pergigian dan ortodoks
  - Penyelidikan jagaan kesihatan dan pembangunan
  - Perkhidmatan makmal bersepadu
- iv. **Pelancongan**
  - Hotel
  - Taman-taman tema, hiburan dan pusat hiburan keluarga dan pusat kebudayaan
  - Pusat persidangan dan pusat pameran
  - Perkhidmatan operasi hotel dan beriadah serantau
- v. **Perkhidmatan pendidikan**
  - Universiti
  - Kolej
  - Institut Latihan Kemahiran
  - Institut R & D
  - Pusat latihan serantau
- vi. **Perkhidmatan logistic**
  - Perkhidmatan – perkhidmatan rantaian bekalan bersepadu
  - Perkhidmatan rangkaian bekalan bernilai tinggi

	Jawatankuasa Pegawai Dagang Iskandar Malaysia	<b>No Rujukan</b>	IRDA.MI.820/02(2012)/03/IMEC/PROMO
		<b>Tarikh</b>	

Oleh yang demikian, garis panduan pelaksanaan bagi Permohonan Pengambilan Jawatan dan Permohonan bagi Pegawai Dagang Iskandar Malaysia yang akan dilaksanakan adalah **seperti garis panduan yang dilaksanakan oleh Jawatan Kuasa Pegawai Dagang di Jabatan Imigresen**. Pihak IRDA juga menitikberatkan bekalan tenaga kerja tempatan dan kesesuaian bidang tugas jawatan dengan aktiviti syarikat sebelum mempertimbangkan pengambilan Pegawai Dagang di Iskandar Malaysia.

#### 4.0 SYARAT-SYARAT ASAS PERMOHONAN PEGAWAI DAGANG MELALUI IRDA

##### 4.1 Memenuhi kriteria syarikat seperti:

- 4.1.1 Syarikat berstatus - Iskandar Malaysia (*IDR-Status Company*)
- 4.1.2 Pemaju yang telah diluluskan (*Approved Developer*)
- 4.1.3 Pengurus pembangunan yang diluluskan (*Approved Development Manager*)
- 4.1.4 Syarikat yang telah mendapat kelulusan Skim Insentif Flagship Iskandar Malaysia (FIM).
- 4.1.5 Pembangunan/projek/perniagaan di dalam 6 sektor utama yang dikategorikan sebagai *major* dan *strategik* dimana ianya diluluskan oleh Pihak Berkuasa IRDA dan dilaksanakan oleh Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan.


Berikut adalah 6 sektor utama di Iskandar Malaysia yang telah diluluskan oleh pihak IRDA:

- i. Industri kreatif dan perkhidmatan berkaitan
- ii. Penjagaan kesihatan dan perkhidmatan berkaitan
- iii. Pelancongan
- iv. Perkhidmatan pendidikan
- v. Perkhidmatan logistik
- vi. Perkhidmatan perundingan dan nasihat kewangan

##### 4.2 Modal Berbayar Minima

Syarat modal berbayar minima bagi syarikat-syarikat Sdn.Bhd/Berhad yang memohon jawatan pegawai dagang adalah seperti berikut


Bil	Ekuiti	Modal RM
1	Milik Bersama Tempatan	250,000
2	Milik Bersama Asing dan Tempatan	350,000
3	100% Milik Asing	500,000

	Jawatankuasa Pegawai Dagang Iskandar Malaysia	<b>No Rujukan</b>	IRDA.MI.820/02(2012) /03/IMEC/PROMO
		<b>Tarikh</b>	

Syarat modal berbayar ini tidak terpakai bagi syarikat-syarikat incorporated, limited dan persatuan/pertubuhan yang berdaftar di bawah akta-akta khusus.

#### 4.3 Syarat Sokongan Dari Agensi Kawal Selia

Bil	Agensi	Bidang
1	<p>Jabatan Pengajian Tinggi Kementerian Pengajian Tinggi Institusi Pengajian Tinggi Swasta Aras 5, Blok 1 Menara PjH, Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62100 Putrajaya</p> <p>Kementerian Pelajaran Bahagian Pendidikan Swasta Aras 3, Blok E2, Kompleks E Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62604 Putrajaya</p>	<p>Pengajian Tinggi (Diploma ke atas)</p> <p>Sek Rendah &amp; Menengah</p>
2	<p>Kementerian Kesihatan Aras 2, Blok E1, Parcel E Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62950 Putrajaya</p> <p>Lembaga Jururawat Malaysia Kementerian Kesihatan Aras 3, Blok E1, Presints 1 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62950 Putrajaya</p> <p>Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan, Blok E, Level 1 &amp; 2, Jalan Cenderasari, 50590 Kuala Lumpur</p>	<p>Perubatan (Moden/Tradisional)</p> <p>Jururawat</p> <p>Perubatan Tradisional dan Komplementari</p>
3	<p>Jabatan Perbangan Awam Malaysia Aras 1 – 4, Blok Podium Lot 4G4, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62604 Putrajaya</p>	<p>Juruterbang dan jawatan berkaitan sector penerbangan</p>
4	<p>Kementerian Pelancongan Malaysia Aras 6,21-23,32-36 Menara Dato Onn, Pusat Perdagangan Dunia Putra (PWTC) 45 Jalan Tun Ismail, 50695 Kuala Lumpur</p>	<p>Bidang Pelancongan, perhotelan dan taman tema.</p>

	Jawatankuasa Pegawai Dagang Iskandar Malaysia	No Rujukan	IRDA.MI.820/02(2012) /03/IMEC/PROMO
		Tarikh	

Bil	Agensi	Bidang

#### 4.4 Kriteria –Kriteria Pertimbangan IRDA

- 4.4.1 Pemilikan ekuiti syarikat
- 4.4.2 Aktiviti syarikat
- 4.4.3 Bekalan tenaga kerja tempatan
- 4.4.4 Kesesuaian bidang tugas jawatan dengan aktiviti syarikat
- 4.4.5 Gaji bulanan ditawarkan (minimum RM5,000.00), tempoh kelulusan jawatan sekurang-kurangnya 2 tahun
- 4.4.6 Pengalaman Pegawai Dagang

#### 4.5 Permohonan untuk Pengambilan Jawatan

Permohonan bagi Pengambilan Jawatan hendaklah dihantar sebanyak 1 salinan bersama borang permohonan dan dokumen – dokumen yang berkaitan ke IRDA, Johor Bahru.


Berikut adalah dokumen-dokumen bagi tujuan permohonan:

- 4.5.1 Surat kuasa syarikat dengan disertakan **salinan MyKad** dan **jawatan dalam syarikat**.
- 4.5.2 Borang DP10 IRDA yang lengkap diisi
- 4.5.3 Surat permohonan dari syarikat yang menerangkan mengenai aktiviti syarikat dan justifikasi jawatan
- 4.5.4 Resume pegawai dagang & Salinan Kelayakan Akademi Pegawai Dagang
- 4.5.5 Salinan dokumen dan pendaftaran syarikat (SSM), Borang 9, 24, 49 yang terkini
- 4.5.6 Surat Ulasan/sokongan agensi kawal selia (bagi bidang/aktiviti berkaitan):

Bil	Agensi	Bidang
1.	Kementerian Pengajian Tinggi / Kementerian Pelajaran	Pensyarah, Tenaga Pengajar dan Guru
2.	Kementerian Kesihatan	Doktor, Jururawat dan Rawatan Perubatan Tradisional.
3.	Majlis Sukan Negara	Ahli Sukan dan Jurulatih Sukan
4.	Jabatan Penerbangan Awam	Juruterbang dan jawatan berkaitan sektor penerbangan
5.	Kementerian Pelancongan	Agensi-Agensi Pelancongan
6.	Malaysian Professional Golf Associates	Berkaitan Golf

- 4.5.7 Lesen Perniagaan dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)/Lesen Kilang (MITI)
- 4.5.8 Lesen CIDB (Salinan pendua)/kontrak projek –(sektor pembinaan sahaja)
- 4.5.9 Lesen jualan langsung dari KPDN & HEP-(jualan langsung sahaja)
- 4.5.10 Surat kelulusan WRT dari KPDN & hep – (Perniagaan borong & runcit/restaurant yang ade ekuiti asing
- 4.5.11 “Letter of Undertaking”
- 4.5.12 Kontrak Kerja yang telah dimatikan setem
- 4.5.13 Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke:



	Jawatankuasa Pegawai Dagang Iskandar Malaysia	No Rujukan	IRDA.MI.820/02(2012)/03/IMEC/PROMO
		Tarikh	

#### PIHAK BERKUASA WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR

Jawatankuasa Pegawai Dagang Iskandar Malaysia  
 #G-01, Blok 8, Danga Bay, Jalan Skudai  
 80200 Johor Bahru, Johor  
 No Tel : 07 – 233 3000  
 Fax : 07 – 233 3001

#### 4.6 Senarai Sektor Dan Jawatan Di Bawah Tidak Dibenar/Digalakkan Untuk Permohonan Jawatan Pegawai Dagang Mengikut Ketetapan Lembaga Jururawat Malaysia.

Bil	Kriteria-kriteria
1.	Berumur kurang daripada 27 tahun
2.	Permohonan yang bukan melalui majikan
3.	Terbuka kepada semua negara kecuali Israel
4.	Tidak mempunyai Sijil Latihan Kejururawatan Asas dan pengesahan Transkrip Latihan dan Pendaftaran
5.	Jururawat yang tiada pengesahan kepakaran dalam bidang kejururawatan
6.	Pengalaman klinikal kurang daripada tiga (3) tahun
7.	Tidak berdaftar dengan Majlis/Lembaga Jururawat di negara asal
8.	Jawatan tertinggi seperti Ketua Institusi, Pengarah Kejururawatan, Pengurus Kejururawatan
9.	Sektor kebidanan (Obstetrik)

#### 4.7 Lanjutan Pegawai Dagang

4.7.1 Bagi permohonan lanjutan sila sertakan :-

- i. Salinan penyata gaji (3 bulan yang terkini)
- ii. Salinan resit pembayaran cukai pendapatan pegawai dagang
- iii. Borang DP4 (jika berkaitan)
- iv. Salinan slip pembayaran KWSP (jika berkaitan)

4.7.2 Salinan perlu disahkan oleh pengurusan syarikat.


#### 4.8 Rayuan Permohonan

Permohonan rayuan kali kedua (2), sila kemukakan permohonan kepada:-


##### Ketua Eksekutif


#### PIHAK BERKUASA WILAYAH PEMBANGUNAN ISKANDAR

#G-01, Blok 8, Danga Bay, Jalan Skudai  
 80200 Johor Bahru, Johor  
 No Tel : 07 – 233 3000  
 Fax : 07 – 233 3001

	Jawatankuasa Pegawai Dagang Iskandar Malaysia	No Rujukan	IRDA.MI.820/02(2012)/03/IMEC/PROMO
		Tarikh	

**4.9 Carta Alir Bagi Permohonan Pengambilan Jawatan Melalui Jawatankuasa Pegawai Dagang Iskandar Malaysia**



	Jawatankuasa Pegawai Dagang Iskandar Malaysia	<b>No Rujukan</b>	IRDA.MI.820/02(2012)/03/IMEC/PROMO
		<b>Tarikh</b>	

### 5.0 Senarai Keanggotaan Mesyuarat Jawatankuasa Pegawai Dagang Iskandar Malaysia

Bil	Anggota	Jawatan
1.	Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA)	Pengerusi ( Ketua Esekutif)
2.	Jabatan Imigresen Malaysia	Ahli tetap
3.	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK)	Ahli tetap
4.	Pusat Khidmat Iskandar, IRDA	Urusetia

### 6.0 Piagam Pelanggan

Jenis Permohonan	Piagam Pelanggan
Kelulusan Jawatan Pegawai Dagang Iskandar Malaysia	5 hari bekerja

### 7.0 Kadar Bayaran Pas Penggajian

Bagi kelulusan jawatan yang bergaji **RM5,000** dan ke atas, tempoh kelulusan jawatan sekurang-kurangnya 2 tahun.

7.1 Pegawai Dagang - RM 300.00 setahun atau sebahagian darinya.